

Penternak berputih mata, lembu peliharaannya lesap

Oleh: Nurizzah Latiff, 1180267

PASIR PUTEH: Seorang penternak muda kehilangan empat ekor lembu di kawasan lapang di Kampung Tualang Tinggi, kira-kira jam 7.30 malam pada 26 November lalu.

Mat Saleh Jusoh, 40, berkata dia menyedari kehilangan empat ekor lembu masing-masing dua lembu jantan dan dua lembu betina yang berada di kawasan lapang untuk diberi makan rumput berhampiran rumahnya pada setiap pagi.

Menurutnya, kejadian dipercayai berlaku kira-kira satu jam selepas dia menambat lembu itu lalu untuk pulang ke rumah berikutan hari sudah senja.



Foto 1.0 menunjukkan gambar mangsa bersama lembu-lembunya sebelum dicuri.

Nilai pasaran keempat-empat lembu itu dianggarkan lebih RM10,000 dan pemiliknya sudah membuat laporan polis berhubung kehilangan ternakannya dan kes itu masih dalam siasatan pihak polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Korperal Mohd Amri Azman, 32 berkata pihaknya menerima laporan daripada mangsa jam 10 pagi dan pihaknya mengumpul maklumat berhubung kejadian itu melalui bantuan orang awam.



Foto 1.1 menunjukkan Korperal Mohd Amri ketika ditemubual di ibu pejabat polis.

Beliau berkata, sejak pertengahan tahun ini sahaja, polis sudah menahan empat suspek dalam tiga tangkapan membabitkan kecurian ternakan di sekitar daerah ini.

Jika disabitkan kesalahan suspek akan dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali dibawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan (KK) kerana mencuri.

Katanya, kita percaya kegiatan ini dilakukan secara berkumpulan sebelum ternakan dijual dalam pasaran tempatan. Mereka dipercayai sudah mempunyai pelanggan yang bersedia membeli lembu curi,